

17 SEP 1998

Mbeki-Mahathir

MBEKI BERBINCANG DENGAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Timbalan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki yang sedang mengadakan lawatan seminggu ke negara ini mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yang antara lain menyentuh mengenai perlunya diadakan pembaharuan dalam sistem kewangan antarabangsa.

Dalam perbincangan selama satu setengah jam itu di Jabatan Perdana Menteri di sini kedua-dua pemimpin bersenpendapat bahawa pembaharuan adalah perlu oleh kerana segala cadangan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk mengatasi krisis kewangan khususnya di Asia Tenggara telah gagal.

Ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan kedua-dua pemimpin itu, Setiausaha Rendah Kementerian Luar untuk Afrika Barat, Afrika dan Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) Datuk Deva Mohd Ridzam Abdullah berkata Dr Mahathir juga menerangkan kepada Mbeki mengenai situasi ekonomi Malaysia dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kegawatan.

Mbeki, yang tiba semalam, melawat Malaysia buat pertama kali sebagai Timbalan Presiden Afrika Selatan dan juga sebagai Presiden Kongres Nasional AAFrika (ANC). Lawatan itu adalah atas jemputan Dr Mahathir.

Perbincangan hari ini yang turut dihadiri oleh Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin, adalah sebagai lanjutan kepada pertemuan mereka ketika Dr Mahathir melawat Afrika Selatan Julai lepas.

Deva berkata kedua-dua pemimpin itu juga bertukar-tukar pendapat mengenai situasi di Selatan Afrika khususnya perkembangan di Congo, Nigeria dan Angola.

Mbeki dijadualkan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar esok sebelum ke Pulau Pangkor untuk berehat.

Pada hari Isnin beliau akan menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysian-Afrika Selatan Ketiga di sebuah hotel di sini.

Beliau juga akan menghadiri upacara penutupan Sukan Komanwel ke-16 pada 21 Sept.

-- BERNAMA

AFY WAT